

# Pak Lah yakin konflik dalaman MCA tidak tercetus semula

UM 2 JUL 2002

KUALA LUMPUR 1 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin konflik dalaman MCA tidak akan tercetus semula sekiranya parti itu berpegang teguh kepada pelan damai yang telah dipersetujui oleh pucuk pimpinannya.

Timbalan Perdana Menteri ditanya adakah MCA kini kembali tidak tenang berikutan gesaan terbaru supaya Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik mencontohi langkah Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meletakkan jawatan pada 2003.

“Kalau mereka mematuhi pelan damai yang dianjurkan oleh Dr. Mahathir, tidak mungkin timbul masalah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan E-Kerajaan Malaysia 2002 di sini, hari ini.

Pada 24 Jun lalu, Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek mengekalkan jawatan masing-masing untuk tempoh se-penggal lagi sehingga 2005, selepas Jawatankuasa Pusat Parti (CC) bersetuju melaksanakan pelan damai anjuran Dr. Mahathir yang mencadang-

kan tidak ada pertandingan bagi semua jawatan bagi pemilihan kali ini.

Tujuan utama pelan damai itu adalah bagi menamatkan perselisihan antara Team A yang memihak kepada Liong Sik dan Team B diketuai Ah Lek.

Ah Lek yang mengulas pelan peralihan kuasa Dr. Mahathir kepada Abdullah baru-baru ini, mencadangkan supaya Liong Sik juga berbuat demikian.

Abdullah yang ditanya pandangannya jika parti lain dalam BN wajar mengikut jejak UMNO, ber-

kata: “Terserah kepada parti komponen BN untuk memutuskan apa yang hendak dilakukan termasuk dalam menentukan pucuk pimpinan mereka.”

Tegasnya, bila atau di mana parti komponen BN yang lain hendak melakukan perubahan pucuk pimpinan masing-masing adalah sesuatu yang tidak dipaksa ke atas mereka.

Bagaimanapun, beliau berharap ahli-ahli parti komponen memahami bahawa yang penting ialah proses peralihan kuasa itu perlu berjalan secara licin dan teratur.